



**PENUTUPAN SEMENTARA PADA WAKTU MALAM
UNTUK LORONG KANAN DI JALAN BUKIT BINTANG**

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan penutupan sementara pada waktu malam bagi lorong kanan Jalan Bukit Bintang pada 27, 28 dan 29 Ogos 2012 bagi kerja-kerja pengalihan lampu jalan.

Penutupan sementara di hadapan Plaza Bukit Bintang ini akan dilakukan antara jam 11.00 malam hingga 5.00 pagi. Dua lorong lain akan kekal dibuka kepada trafik.

	Mula	Tamat
Penutupan 1	11.00 mlm, 27 Ogos 2012	5.00 pg, 28 Ogos 2012
Penutupan 2	11.00 mlm, 28 Ogos 2012	5.00 pg, 29 Ogos 2012

Pengalihan lampu jalan ini adalah bagi memberi laluan kepada pembinaan stesen MRT Bukit Bintang Sentral. Ketika penutupan, penghadang keselamatan, dinding penghadang dan kon trafik akan diletakkan di kawasan kerja bagi memastikan pengguna jalan raya dan pejalan kaki tahu akan kerja-kerja yang sedang berlangsung. Kami memohon maaf diatas segala kesulitan yang berlaku.

Laluan Sg Buloh - Kajang akan mempunyai 31 stesen, dan dijangka memberi khidmat kepada 1.2 juta warga Kuala Lumpur di sepanjang jajaran. Ia juga akan berintegrasi dengan rangkaian pengangkutan rel lain yang beroperasi di KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter. Ia juga akan berintegrasi dengan laluan bas dalam serta antara Bandar. Ia akan menghasilkan rangkaian sistem yang optimum bagi KL dan kawasan sekitarnya, dan mengurangkan bilangan kenderaan yang masuk ke ibukota.

Untuk maklumat lanjut, orang awam boleh melayari laman web MRT Corp di www.mymrt.com.my atau www.mymrt-underground.com.my, mengikuti alamat Twitter iaitu @MRTMalaysia atau @MyMRT Underground, atau menalipone MRT Hotline di 1-800-82-6868.

- Tamat -

Latar belakang Projek MRT

MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang Bidang Ekonomi Utama Negara, di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51kms, dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan memiliki integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Hasilnya akan memberikan keterkaitan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah bilangan kereta yang memasuki ibu kota.



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Edelman

Maureen Jeyasooriar (maureen.jeyasooriar@edelman.com)

Mobile: 016 206 4427

MRT Corporation

Leong Shen Li (leong.shen-li@mymrt.com.my)

Mobile: 012 319 6602

MMC-Gamuda

Jalina Joheng (Jalina@kvmrt-ug.com.my)

Mobile: 016 910 5353